

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Berita Harian

TARIKH : Rabu, 24 Februari 2016

M/S : 13

Singgah Santai tarik minat masyarakat ke perpustakaan

Program kemasyarakatan Singgah Santai anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dijadual berlangsung pada Sabtu ini, bermula jam 8 pagi hingga 5 petang.

Penolong Pengarah Bahagian Pinjaman PNM, Ali Rashid (**gambar**), berkata, Aktiviti kali ini memberi penekanan kepada amalan hidup sihat dengan pelbagai pengisian menarik.

Kegiatan bertemakan Sihat@Gaya Hidup itu akan dipenuhi dengan pelbagai pengisian antaranya, senaman zumba dan Bicara Santai bertajuk Penyusuan Ibu Berkerjaya.

Beliau berkata, pengisian lain termasuk, persembahan teater

kanak-kanak, Jawi Pintar, jualan buku, jualan *car boot*, kraf-tangan, batik, doktor buku dan gerai niaga.

Tarik minat membaca

"Program bertujuan menggalakkan lebih ramai masyarakat terutama penduduk sekitar berkunjung ke perpustakaan yang dapat menarik minat mereka untuk terus membaca.

"Aktiviti sedemikian juga dapat mengeratkan lagi hubungan antara warga PNM dengan ahlinya yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat," katanya.

Keterangan lanjut boleh hubungi penganjur menerusi talian 012-3825925



Perpustakaan Negara.